PP 400	Kertas Projek	6

Semester II

Kod	Tajuk Kursus	Jam Kredit
PP 200	Pengantar Pendidikan Pengembangan	2
PP 202	Amlan Perhubungan	1
PP 204	Amali Pengembangan Pertanian	1
PP 301	Perhubungan dan Pembangunan	1
PP 302	Pendidikan Pengembangan Asas	1
PP 304	Pentadbiran Pengembangan	2
PP 314	Perhubungan Awam	2
PP 400	Kertas Projek	6
PP 440	Pendidikan Pembangunan Pertanian	3
PP 206	Fotografi Asas	Terbuka

*(PP 400 : Sambungan dari Semester I)

(b) Ijazah Lanjutan

Selain daripada kursus di peringkat Diploma dan Ijazah, PPPL menawarkan juga 20 kursus dalam bidang Pendidikan

Pengembangan dan Perhubungan Pembangunan kepada pelajar-pelajar di peringkat Ijazah Lanjutan (graduate level courses). Kursus ini adalah seperti berikut:

Kod	Tajuk Kursus	Jumlah Kredit
PP 402	History, Philosophy and Principles of Extension Education	3
PP 404	Principles of Adult Education	3
PP 406	Principles and Practice in Extension Supervision	3
PP 410	Leadership Development in Extension Programme	3
PP 411	Communication Theory	3
PP 412	Extension Programme Development	3
PP 414	Youth Programme Development	3
PP 420	Extension Administration and Personnel Management	3
PP 422	Intership in Extension	3
PP 424	Home Economic Extension	3
PP 431	Strategies of Communication	3

PP 440	Farmer Development Education	3
PP 442	Extension and Community Development	3
PP 450	Independent Study	1—3
PP 452	Extension Seminar	1
PP 492	Extension Evaluation	3
PP 494	Research Design	3
PP 496	Analysis and Interpretation of Data	3
PP 500	Master Thesis	6
PP 600	Ph. D Thesis	12

Pada akhir tahun pengajian 1978-79, PPPL telah mengeluarkan seorang siswazah Sarjana sulongnya Cik Saodan Wok yang telah mengambil kursus peringkat M.S. dalam bidang Perhubungan Pembangunan.

(c) Pemeriksa Luar

Professor Lloyd R. Bostian telah dilantik menjadi pemeriksa luar untuk thesis Cik Saodah Wok.

(d) Latihan Amali Pengembangan (PP 204)

Latihan kerja amali pengembangan adalah diwajibkan kepada tiap-tiap pelajar Diploma Pertanian III yang bakal menjadi pegawai-pegawai pengembangan setelah tamat pengajian mereka di Universiti Pertanian Malaysia. Untuk melaksanakan latihan amali ini, PPPL telah menghantar pelajar-pelajar tersebut ke kawasan pengembangan UPM bertempat di tiga buah daerah (dalam dua buah negeri) dan tiga buah perkampungan orang asli pada tiap-tiap semester II. Kawasan-kawasan itu ialah seperti berikut:

Negeri	Daerah	Mukim	Jumlah Kampung yang terlibat	Jumlah Keluarga
Selangor	Kuala Langat	Tanjung Dua Belas	5	1,400
Selangor	Ulu Langat	Beranang	5	670
Negeri Sembilan	Seremban	Setul	7	300
Negeri Sembilan	Seremban	Lenggeng	12	850
Negeri Sembilan	Seremban	Ulu Beranang	3	420

Perkampungan Orang Asli

Negeri	Daerah	Mukim	Jumlah Kampung yang terlibat	Jumlah Keluarga
Selangor	Sepang	Dengkil	Bangkong, Kolam Air Bukit Tampoi	29
Selangor	Sepang	Dengkil	Bukit Tadum	120
Selangor	Kuala Langat	Tanjung Dua Belas		40

Bagi memenuhi keperluan ini kerja praktik pelajar-pelajar Diploma Pertanian tahun III dikehendaki bertugas di kampung-kampung tersebut antara bulan November,

1978 hingga bulan Mac, 1979. Pelajar-pelajar ini dilatih merancang, melaksana dan menilai program-program perubahan jangka pendek dengan penduduk dalam kampung-

kampung berkenaan. Kegiatan pelajar-pelajar di kampung-kampung ini dikawal dan diawasi oleh pensyarah-pensyarah dan pegawai-pegawai pengembangan PPPL.

PROGRAM BUKAN AKADEMIK

(a) Kursus Dalam Perkhidmatan

Dalam tahun pengajian 1978-79, Pusat

Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan dengan kerjasama Fakulti-fakulti lain di Universiti ini telah memberi khidmat kepada 247 peserta-peserta dari agensi-agensi pembangunan dengan mengendalikan kursus-kursus dalam perkhidmatan untuk pegawai-pegawai dari agensi-agensi tersebut. Antara kursus yang telah dikendalikan ialah:-

Kursus	Tempoh	Peserta	Agensi
Kursus Pengurusan Kewangan untuk Pengurus Besar LPP	6-11/11/1978	35	LPP
Kursus Perlindungan Tumbuhan untuk pegawai LPP	3/10-3/11/1978	33	LPP
Kursus Pendidikan Pengembangan Lanjutan untuk Pemaju Masyarakat KEMAS	24-29/1/1979	33	KEMAS
Kursus Penilaian Latihan untuk FELDA	16-21/4/1979	46	FELDA
Kursus Memproses Bahan Tanaman untuk LPP	16-21/4/1979	23	LPP
Kursus Pendidikan Pengembangan untuk Jabatan Haiwan	23-28/4/1979	16	Jabatan Haiwan Pahang
Kursus Pendidikan Pengembangan untuk KEMAS	7-15/5/1979	30	KEMAS
Kursus Pendidikan Pengembangan untuk RISDA	21-26/5/1979	30	RISDA

Selain daripada kursus yang dijalankan di Kampus, Pusat juga telah menghantar pegawai-pegawaiannya untuk membantu dalam rancangan latihan yang dianjurkan

sendiri oleh agensi-agensi pengembangan yang dijalankan di luar kampus. Jenis-jenis kursus yang mana pegawai-pegawai PPPL melibatkan diri adalah seperti berikut:

Nama Kursus	Tarikh	Tempat	Agensi
Kursus Orientasi Pembangunan Pegawai Kanan RISDA	16-18/7/1978	Wisma Central Kuala Lumpur	RISDA
Memberi Kuliah di INPUT	4/5/1979	Trolak	FELDA
a. Skop dan Peri Mustahaknya perhubungan di dalam sesebuah			

organisasi

b. Amali mengenai perhubungan secara bertulis

Kursus Asas Pengurusan Rancangan untuk Bakal-bakal Pegawai Penjaga	4/5/1979	INPUT Sungkai Perak	FELDA
Intermediate Course in Scheme Management	21/3/1979	INPUT Sungkai Perak	FELDA
Social Dynamic	4/10-1/11/1978	INPUT Sungkai Perak	FELDA
Kursus Perakaunan Koperasi Peladang	13/7/1978	Wisma Belia, Jalan Syed Putra, Kuala Lumpur	LPP

(b) **Perkhidmatan Pengembangan di Kawasan Pengembangan UPM**

Sepanjang tahun akademik 1978-79, Unit ini telah menganjurkan beberapa aktiviti yang selaras dengan matlamat Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan.

Pada 13hb. September, 1978, Unit telah membahagikan sebanyak 3,000 anak ikan Lampam Jawa dan Kap Kepala Besar kepada 12 orang peternakan di dalam kawasan pengembangan. Tujuan aktiviti ini ialah untuk menggalakkan lagi petani-petani di kawasan pengembangan memelihara ikan secara besar-besaran.

Tahun pengajian ini merupakan kali pertama pegawai-pegawai pengembangan dari UPM tinggal bersama beberapa orang petani di kampung-kampung dalam kawasan pengembangan. Aktiviti ini ialah untuk mendapatkan maklumat serta berbincang bersama dengan petani-petani tempatan mengenai pembangunan yang boleh diadakan di kampung-kampung. Aktiviti ini juga bertujuan untuk mengeratkan perhubungan di antara petani-petani dengan UPM agar latihan amali pengembangan untuk pelajar-pelajar dapat dikendalikan dengan saksama.

Pada tahun pengajian ini, dua mukim baru telah diterima sebagai kawasan

pengembangan UPM. Mukim-mukim tersebut ialah Mukim Labu dan Mukim Nilai dalam Daerah Seremban, Negeri Sembilan. Bagi memperkenalkan UPM kepada penduduk-penduduk di Mukim ini, PPPL telah melibatkan diri dalam satu pameran yang diadakan pada 30hb. Jun, 1979 di Mukim Labu.

(c) **Lawatan Sambil Belajar**

Seramai enam orang pegawai pengembangan PPPL telah membuat lawatan sambil belajar ke Pantai Timur pada 11hb. Mei, 1979 hingga 19hb. Mei, 1979. Tempat-tempat yang dilawati ialah: Majuternak Kuantan, LPP Kuantan, Pusat Latihan Perikanan Seberang Takir, Kemas Negeri Trengganu, KETENGAH, Majuikan — Pulau Kambing, Jabatan Pertanian Kuala Trengganu, FELDA Jerangau, LTN Kota Bahru dan MARDI Sungai Baging.

(d) **Kursus Untuk Pegawai Pengembangan**

- (i) Cik Jamaliyah bte. Mohd. Yassin, Puan Hadijah Haron dan Puan Jamilah Othman telah mengikuti Kursus Jahitan selama tiga bulan bermula pada bulan April, 1979 di Serdang, Selangor.
- (ii) Puan Jamilah Othman telah mengikuti kursus memproses makanan di Jabatan Sains dan Teknologi Makanan, UPM,

pada 16hb. April hingga 21hb. April, 1979.

- (iii) Sebelas orang pegawai pengembangan telah mengikuti Kursus Penilaian di Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, pada 16hb. April hingga 21hb. April, 1979.

(e) Makmal Pengembangan

Sebagai usaha amal dalam pencapaian objektif makmal pengembangan, beberapa projek contoh telah dilaksanakan di Batu 17, Ulu Langat. Projek-projek ini khasnya bertujuan untuk membentuk perhubungan rapat di antara pihak penerima dengan pegawai-pegawai PPPL serta agensi-agensi pembangunan yang berkenaan. Projek dilaksanakan termasuklah projek ikan air tawar, sawah padi, tanaman kontan dan kelas KEMAS.

(f) Projek Ikan Air Tawar

Projek ikan air tawar ini telah dilaksanakan memandangkan bahawa kawasan Batu 17 tidak mempunyai tenaga pekerja yang cukup. Projek ini menggunakan kawasan sawah yang terbiar. Tiga agensi telah terlibat secara langsung dalam perlaksanaan projek tertentu. Pihak Parit dan Talair telah mengadakan kemudahan-kemudahan air dengan menyediakan palong-palong 'hypoglass' untuk mengairkan kawasan sawah di kampung tersebut. Jabatan Perikanan pula telah memberi bantuan anak-anak ikan dan subsidi sebanyak \$2,500.00. Projek ini telah menimbulkan minat di kalangan petani-petani tempatan memandangkan kepada hasil yang telah tercapai.

(g) Projek Sawah Padi

Memandangkan bahawa kawasan sawah padi di kampung ini pada lazimnya menggunakan berbagai jenis benih yang tidak terpilih, pegawai makmal telah mendapatkan kerjasama dari pihak MARDI, Jabatan Pertanian dan Jabatan Parit dan Talair bagi menjalankan satu projek untuk menentukan benih-benih yang sesuai untuk kawasan tersebut. Empat jenis benih telah digunakan

dalam percubaan ini. Benih-benih tersebut ialah MR 1, MR 7 (putih) MR 24 dan MR 7 (hitam). MR 1 telah mengeluarkan 950 gantang sekar, MR 7 hitam ((735 gantang sekar) dan MR 7 putih (670 gantang sekar). Jenis MR 7 putih nampaknya tidak sesuai di kawasan ini kerana mudah diserang penyakit. Percubaan lanjut akan dijalankan untuk mendapatkan mengesahkan muktamad tentang benih padi tersebut.

(h) Projek Tanaman Kontan

Memandangkan kawasan Batu 17 ini berdekatan dengan Kajang dan Kuala Lumpur, projek tanaman sayur dan jagung telah dilaksanakan. Projek ini melibatkan beberapa orang petani yang ingin mendapatkan pendapatan sampingan mereka.

(i) Kelas KEMAS

Satu program telah dibentuk bersama dengan pegawai-pegawai PPPL yang bertugas di kawasan makmal dan pegawai KEMAS serta pihak penerima di kampung Batu 17. Program-program yang telah dimulakan meliputi aspek-aspek rumahtangga, kesihatan dan TADIKA.

PENYELIDIKAN

Di bidang penyelidikan satu pasukan penyelidik telah menyelesaikan sebuah penyelidikan yang bertajuk 'Research Activities of Asian Agriculture College and Universities in Population Related Areas'. Hasil penyelidikan ini telah dibentangkan di Konvensyen Ketiga Persatuan Universiti-Universiti dan Kolej-kolej Pertanian Se Asia (AAACU), satu kertas cadangan untuk latihan bagi ahli-ahli institusi-institusi yang menjadi ahli AAACU telah dibentuk berdasarkan penyelidikan tersebut.

Pusat ini juga telah membuat penyelidikan terhadap keperluan-keperluan latihan jurulatih-jurulatih agensi-agensi pembangunan dan kependudukan di negara-negara ASEAN. Hasil penyelidikan ini telah dijadikan sebagai asas rancangan latihan untuk jurulatih-jurulatih tersebut.

Pusat ini telah menjalankan dua penyelidikan bersama-sama dengan agensi-

agensi luar. Penyelidikan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Knowledge and Practice of TADIKA and Family Planning — Study of Communication behaviour. Penyelidikan ini dijalankan bersama FELDA dan LPKN.
- (ii) Kajian Kepimpinan di Rancangan-rancangan FELDA. Kajian ini dijalankan bersama FELDA.

Dr. Alang Perang ialah pegawai PPPL yang terlibat dalam penyelidikan-

penyelidikan ini.

(a) Penyelidikan Pelajar

Sebagai satu usaha untuk menambahkan pengetahuan dalam bidang pengembangan dalam pembangunan dan memperbaiki rancangan-rancangan akademik Pusat ini, pegawai-pegawaiannya telah memberi pengawasan terhadap penyelidikan yang dijalankan oleh pelajar-pelajar. Penyelidikan-penyelidikan tersebut adalah seperti berikut:

(i) Peringkat Master

Nama

Saodah bte Wok

Tajuk Penyelidikan

Extension Agents' Content Preference and information Utilization of Agricultural Extension Publication : A case study in state of Pahang, Malaysia.

(ii) Peringkat Bachelor

Idris bin Haji Omar

Faktor-faktor yang Berkaitan Dengan Pembayaran Semula Kredit oleh Peserta-peserta Projek Kredit Tanaman Kontan RISDA di Daerah Kuala Pilah dan Rembau, Negeri Sembilan.

Abdul Kadir Hasim

Faktor-faktor yang mempengaruhi Penglibatan Pemimpin Masyarakat Dalam Aktiviti Membuat Keputusan di Persatuan Peladang A-III dan D-III, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) Kedah, 1977.

Kamaruddin Mohd. Taib

Tanggapan Petani-Petani Mukim Ulu Terian dan Mukim Kenaboi Terhadap Program-Program Anjuran Jabatan Pertanian Daerah Jelebu, Negeri Sembilan.

Amris bin Mat

Penghijrahan Penduduk (Muda-Mudi) Kampung Sungai Buluh Jelebu, Negeri Sembilan ke bandar.

Abdul Hamid Hussin

Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Taraf Penyertaan Petani-Petani di dalam Koperasi Peladang, Kawasan Masjid Tanah, Melaka.

Mohd. Hanim Mohd Tahir

Factors Associated With the Communication Behaviour of Farmers in Two Different Rural Communities.

Baharum Salahuddin

Awareness and Perception of Farmers on Extension Programme of the Department of Agriculture in Mukim Panchong Bedera, District of Sabak Bernam, Selangor.

Dimbab Ngidang

A Study of Development Information of Padi Farmers in Tanjung Bijat Drainage and Irrigation Padi Scheme, Second Division, Simanggang, Sarawak, East Malaysia.

Hassan Mad

Kepeluan Maklumat Agen-Agen Pengembangan di Jabatan Pertanian Johor dan Pontian Negeri Johor.

Omar Paimin

Keperluan-keperluan Latihan Bagi Pekerja-Pekerja Pengembangan RISDA, LPP dan FELDA di Negeri Johor, Trengganu dan Selangor.

PENERBITAN

Pada tahun pengajian 1978-79, 4 keluaran Majalah Pengembangan, satu keluaran

Buletin Pengembangan dan satu keluaran Warta Peladang telah dikeluarkan mengikut bilangan yang telah ditetapkan seperti berikut:-

Majalah Pengembangan Jilid 3, Bilangan 1 Mac 1978

Edaran

3,000 naskah

Majalah Pengembangan Jilid 3, Bilangan 2 Jun 1978

3,000 naskah

Majalah Pengembangan Jilid 3, Bilangan 3 September, 1978

3,000 naskah

Majalah Pengembangan Jilid 3, Bilangan 4 Disember, 1978

3,000 naskah

Warta Peladang

Warta Peladang Jilid 1, Bilangan 1, Ogos 1978

3,000 naskah

Warta Peladang Jilid 2, Bilangan 1, Februari, 1979.

3,000 naskah

Selain daripada penerbitan-penerbitan di atas, PPPL terus mengedarkan penerbitan-penerbitan yang disenaraikan di bawah ini:

Majalah Pengembangan

Jilid 1, Bilangan 1 Mac 1976

2,000 naskah

Jilid 1, Bilangan 2 Jun 1976

2,000 naskah

Jilid 1, Bilangan 3 September 1976

2,000 naskah

Jilid 1, Bilangan 4 Disember 1976

2,000 naskah

Jilid 2, Bilangan 1 Mac 1977

2,000 naskah

Jilid 2, Bilangan 2 Jun 1977

2,000 naskah

Jilid 2, Bilangan 3 September 1977

2,000 naskah

Jilid 2, Bilangan 4 Disember 1977

2,000 naskah

Buletin Pengembangan

1. Pencegahan Serangga Perosak Tanpa Menggunakan Racun Serangga oleh A. Ghani Ibrahim

2,000 naskah

2. Apakah Musuh-musuh Tanaman oleh Mohd. Yusof Hussain

2,000 naskah

3. Mengenali Racun Serangga oleh Mohd. Yusof Hussain

2,000 naskah

4. Keselamatan Dalam Menggunakan Racun-Racun Kulat dan Rumpai oleh Rosli Muhamad

2,000 naskah

5. Panduan Memelihara 200 ekor Ayam Pedaging oleh Oh Beng Tatt

2,000 naskah

Penerbitan-Penerbitan Pengembangan

Penerbitan Pengembangan merupakan sebuah penerbitan tidak berkala diterbitkan khusus untuk bacaan perancang-perancang

dan pentadbir-pentadbir pengembangan. Penerbitan ini memuatkan kertas-kertas 'occasional', kertas-kertas kajian mengenai pertanian, pengembangan dan perhubungan. Mula diterbitkan pada 1hb. September 1976.

Senarai Penerbitan Pengembangan

- | | |
|---|---------------|
| 1. Factos Associated With the Adoption of Agricultural Practices,
Kampung Bukit Kapar, Selangor, Malaysia | 1,000 naskah |
| 2. A Study, of Factors Associated With the Farmers' Attitude Toward the Agricultural Extension Service in the Mukim of Simpor, District of Kuala Muda, State of Kedah, West Malaysia. | 1,000 naskah |
| 3. Are The Malay Farmers to be Blamed | 1,000 naskah |
| 4. A Proposal for a Development Communication Program in Unipertama | 1,000 naskah |
| 5. Communicating Through Audio-Visual | 1,000 naskah |
| 6. Laporan Amali Pengembangan Pertanian di Kawasan Orang Asli,
Kampung Kuala Pangson, Ulu Langat, Selangor | 1,000 naskah |
| 7. Low-Cost Communication Technologi : The Innovative and practical application of Audio-Visual Aids. | 1,000 naskah |
| 8. Tinjauan Awal di Kawasan Pengembangan Universiti Pertanian
Malaysia | 1,000 naskah |
| 9. Leadership in Felda Scheme | 1,000 naskah |
| 10. Kepimpinan Dalam Rancangan Felda | 1,000 naskah |
| 11. An Alternative Approach to Agricultural Education | 1,000 naskah |
| 12. Pendekatan alternatif terhadap Pendidikan Pertanian | 1,000 naskah |
| 13. Intra-Agency Working Relationship | 1,000 naskah |
| 14. Farmers' Response to Rural Development: Messages of Radio-Television
Malaysia in Mukim Pekula, Kuala Muda District, Kedah | 1,000 naskah |
| 15. Mechanisation of Cultivation and Upkeep Operation | 1,000 naskah |
| 16. Some Factors associated with animal protein comsumption in four selected villages Mukim Kapar, Klang, Selangor | 1,000 naskah |
| 17. Laporan Kajian Pemidahan dan Penyesuaian di Ladang Getah PPGM,
Kota Tinggi, Johor | 1,000 nasakah |
| 18. The usage of Pedestrian tractors in Malaysia | 1,000 naskah |
| 19. Bacaan-bacaan Mengenai Perlaksanaan Program Pengembangan | 1,000 naskah |
| 20. The Utilization of farm information sources in Developing Countries :
Lessons for the Green Book Plan | 1,000 naskah |
| 21. Small Farmer's response towards programmes of Educational Change | 1,000 naskah |
| 22. Bacaan-bacaan untuk penulis-penulis pertanian | 1,000 naskah |
| 23. Agricultural Four-Wheel Tractors in Peninsular Malaysia | 1,000 naskah |
| 24. Usage of Industrial four-wheel and crawler tractors in Malaysian farms | 1,000 naskah |

25. The potential of integration population education elements into agricultural/rural Development Activities of major extension agencies in Malaysia 1,000 naskah
26. Factors influencing degree of individual participation in formal voluntary organizations 1,000 naskah
27. Belia dan Pembangunan Pertanian : Beberapa Pendekatan Memajukan Projek Belia Peladang 1,000 naskah

Risalah Ladang

1. Panduan bagi Ibu-Ibu Mengandung	2,000 naskah
2. Cara-Cara Membasuh Lampin Bayi	2,000 naskah
3. Cara-Cara memandikan Bayi	2,000 naskah
4. Hapuskan Lalat	2,000 naskah
5. Cacing-cacing usus	2,000 naskah
6. Cara-cara membuat Penadah Sampah	2,000 naskah

Lain-lain Penerbitan

PPPL juga telah mengeluarkan penerbitan-penerbitan pengembangan yang lain seperti tajuk di bawah ini:

1. Current knowledge of TADIKA Family Planning Family Among Felda Settlers (Land Development Digest — Vo.2. No.1).
2. Proceedings of Workshop on Planning and Coordination Non-Formal Education Programmes in Population Education.
3. Report on ASEAN Workshop in Modular Training for Trainers of

Population and Rural Development Personnel.

SEMINAR

Beberapa seminar yang merupakan seminar bulanan PPPL telah diadakan pada tahun pengajian 1978-79. Seminar ini telah diadakan di Universiti Pertanian Malaysia untuk pegawai-pegawai dan pelajar-pelajar Universiti Pertanian Malaysia. Seminar yang telah diadakan adalah seperti berikut:

1. Pembangunan Negara Rancangan Peringkat Nasional pada 19hb. Disember, 1978, anjuran Jabatan Perdana Menteri
2. Kesan Vasectomy terhadap penerima di kawasan Batang Berjuntai pada 20hb. Jun, 1978, anjuran LPKN
3. Pembangunan Pekebun Kecil Getah pada 16hb. Januari, 1979, anjuran RISDA
4. Peranan KEMAS Dalam Pembangunan Sosio-Ekonomi Negara pada 13hb. Januari, 1979 anjuran KEMAS
5. Kemajuan Projek LPP dan masalah pada 6hb. Februari, 1979 anjuran LPP

PERSIDANGAN/SEMINAR/BENGKEL YANG DIHADIRI

Pegawai Terlibat

Mohd. Fadzilah Kamsah

Tajuk Persidangan/Seminar/Bengkel

CIDA-UNESCO Workshop in Teaching and extension methods in Agriculture, University of Guelph, Ontario, Canada 1978

Tarikh

11hb — 30hb
Jun, 1978

Mohd. Fadzilah Kamsah

Study of Asian Agricultural Colleges and Universities in Population Education and Other Population related areas

Dr. Alang Perang Abdul Rahman Zainuddin dan Azimi Haji Hamzah

Seminar Perlaksanaan Perkembangan Untuk Juruteknik Pertanian, Kuala Lumpur

14hb — 15hb
September, 1978

Mohd. Fadzilah Kamsah, Saodah bte, Wok dan Mohd. Yusof Hussain	'Seminar kajilidikan Dalam Komunikasi yang diadakan di UKM, Bangi. Tajuk "Pembacaan Penerbitan-Penerbitan Pengembangan Satu Kajian terhadap agen- agen Pengembangan Negeri Pahang".'	20hb — 22hb September 1978
Asma bte Ahmad	Regional Workshop-Seminar on Training	24hb September —
Pegawai-Pegawai PPPL	Methodology and Techniques. Los Banos, Philippines, anjuran SEARCA dan DSE	14hb. Oktober, 1978
Dr. Alang Perang Abdul Rahman Zainuddin	ASEAN Workshop in Modular Training for Trainers of Population and Development Personnel in Kuala Lumpur	20hb — 24hb November 1978
Dr. Alang Perang Abdul Rahman Zainuddin	Third General Conference, Association of Faculty of Agriculture in Africa, Rabart, Morocco.	27hb November — 3hb Disember 1978
Mohd. Fadzilah Kamsah dan Encik Azahari Ismail	Third General Conference, Association of Faculty of Agriculture in Africa, Rabart, Morocco.	27hb November —
Dr. Alang Perang Abdul Rahman Zainuddin	Workshop mengenai 'Low-Cost Audio- Visual aids' yang diadakan di Chieng Mai, Thailand.	3hb, Disember 1978
Rahim Md. Sail	FAO/ODM Joint planning meeting on Agricultural marketing, Bangkok.	19hb — 22hb Mac, 1979
Aminah bte Ahmad	Seminar-Bengkel Projek Perkembangan Kebangsaan	2hb — 6hb. April 1979
Saodah bte Wok	Penghakiman Anugerah Kurnia Belia aya Anjuran Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia	23hb — 26hb. April 1979
Rahim Md. Sail	"Seminar on Research and Education": Sponsor; Pernas Trading, Hilton Studio II, Kuala Lumpur	January — Mac 1978
Mohd. Fadzilah Kamsah	Seminar Mengenai Penyiasatan Kesuburan dan Kekeluargaan Malaysia/Kependudukan dan Pembangunan	4hb. April 1979
Ng Choon Sim Aminah Ahmad Mohd Hanim Tahir	Menghadiri Workshop mengenai "The Making of Documentary Films" di IPTAR, Kuala Lumpur	7hb. — 10hb. Jun 1979
Pegawai-pegawai PPPL	Seminar Masalah Setinggan di UKM, B a n g i	8hb — 12hb. Januari 1979
	UNESCO/UPM Workshop in Planning and coordinating Non-Formal Education Program on Population Education in UPM, S e r d a n g	14hb. — 15hb. Mei 1978
		28hb — 30hb. April 1979

PELAWAT

Beberapa orang pelawat dari luar negeri dan dalam negeri telah membuat lawatan ke PPPL. Meraka ini ialah seperti berikut:

1. Profesor Edward Gassie dari Louisiana State University, Baton Rouge, pada 13hb. Jun 1978
2. Mr. Firman Rubis dari BKKBN Pusat Biro Republik Indonesia, Jakarta pada 25hb. Ogos, 1978
3. Mr.V.O.I. Johnson dari UNEP, NAIROBI, KENYA pada 21hb. September, 1978
4. Mr. Phang Chong Lim, Cik Khamsiah Muhamad, Mr. Salleh A. Majis, Mr. Santhra Sagaram Menon dan Encik Nor-din Md. Nor dari Extension Liaison Unit, Jabatan Pertanian, Kuala Lumpur pada 3hb. Oktober 1978
5. Arron Chantanao, Dean, Faculty of Agriculture, Kasetsart University, pada 31hb. Oktober 1978
6. Pote Boonruang, Head, Agriculture Extension, Faculty of Agriculture, Kasetsart University pada 1hb. Oktober, 1978
7. John Bowers dari Reading University, London, pada 6hb. Disember, 1978
8. George Cammett dari British Council, Kuala Lumpur pada 6hb. Disember, 1978
9. Abu Dardak, Dekan, Fakulti Pertanian, Universiti Sumatra Utara, Medan pada 19hb. Julai 1979.

PERPUSTAKAAN

Ketua Pustakawan: Syed Salim Agha, B.Sc.(Madras), A.L.A. (London).

PENDAHULUAN

Tahun akademik 1978-79 memperlihatkan perkembangan yang pesat dalam tambahan Koleksi Perpustakaan terutama pada koleksi buku. Tambahan koleksi pada tahun 1978-79 adalah berjumlah 15,426 naskah menjadikan jumlah koleksi perpustakaan pada akhir bulan Mei 1979 meningkat ke angka 96,887 naskah. Buku-buku yang diterima sebagai hadiah ataupun diterima melalui Akta Pemeliharaan Buku-buku telah meningkat dua kali ganda jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya.

Dalam tahun akademik 1978-79 juga sebagai langkah penyebaran maklumat pertanian kepada seluruh masyarakat di Malaysia. Langkah-langkah yang aktif telah dibuat bagi mengindeks maklumat pertanian Malaysia dalam usaha membina database dalam bidang pertanian di Malaysia untuk kegunaan seluruh masyarakat pertanian di negara ini. Universiti Pertanian Malaysia secara langsung telah terlibat dengan penyer-taan Malaysia dalam sebuah rangkaian maklumat pertanian sedunia yang dikenali dengan nama AGRIS (International Infor-mation System for the Agricultural Sciences and Technology). Perpustakaan UPM telah ditugaskan mengindeks semua maklumat Pertanian Malaysia yang terdapat dalam jurnal-jenal untuk dimasukkan ke dalam database AGRIS. Sebagai perkembangan selanjutnya dalam bidang ini, pada awal tahun 1979, Pusat Kebangsaan AGRIS di Malaysia telah dipindahkan dari Per-pustakaan Negara kepada Universiti Perta-nian Malaysia. Pemindahan pusat tersebut ke Kampus Universiti Pertanian Malaysia merupakan satu era baru kepada peranan dan aktiviti perpustakaan di mana peranan penyebaran Maklumat Pertanian kepada masyarakat kampus dan luar kampus telah dipertanggungjawabkan kepada Per-pustakaan.

Berkaitan dengan perkembangan ini juga sebuah mesin teleks telah di pasang di Perpustakaan Universiti Pertanian Malaysia pada awal 1979 untuk kemudahan perhubungan antara Universiti Pertanian Malaysia amnya dan Perpustakaan khasnya dengan badan-badan, organisasi dan pertubuhan-pertubuhan dalam dan di luar negeri. Pemasangan teleks ini adalah dibiayai oleh UNESCO sebagai sebahagian daripada bantuannya kepada Universiti-universiti tempatan dan Perpustakaan Negara bagi menjayakan rangkaian perpustakaan Universiti dan Negara di Malaysia.

Perkhidmatan pencarian maklumat menerusi penerbitan bibliografi dalam bidang tertentu semakin mendapat perhatian dari kakitangan akademik di Universiti Pertanian Malaysia dan permohonan-permohonan yang diterima semakin bertambah.

Satu jenis perkhidmatan maklumat kini (Current Awareness Service) yang diberi oleh Perpustakaan ialah Perkhidmatan Halaman Kandungan. Perkhidmatan ini diberikan kepada semua pegawai akademik Universiti Pertanian Malaysia dan terbuka kepada seluruh masyarakat di Malaysia. Perkhidmatan ini dikelolakan dengan bantuan kewangan daripada IDRC (International Development Research Centre) di bawah Projek AIBA (Agricultural Information Bank of Asia). Di antara institusi atau badan-badan luar yang melanggan kepada perkhidmatan ini adalah SEDCO (Sabah Economic Development Corporation), RRIM (Rubber Research Institute of Malaysia), PORIM (Palm Oil Research Institute Malaysia), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu, Guiness Malaysia Bhd, Metal Box Bhd dan lain-lain lagi. Perkhidmatan ini diberikan secara percuma kepada jabatan-jabatan di Universiti Pertanian Malaysia.

Perpustakaan juga telah memulakan pameran bulanan dalam bidang-bidang tertentu di sepanjang tahun akademik 1978-79. Tujuan utama mengadakan pameran ini ialah untuk menarik perhatian semua pengguna perpustakaan bukan sahaja atas perkara-perkara yang dipilih tetapi memberi galakan sepenuhnya akan kegunaan bahan-bahan perpustakaan dan perkhidmatannya. Dengan secara tidak langsung pameran seumpama ini akan menambah para pengguna perpustakaan.

Dalam tahun akademik 1978-79 juga Perpustakaan telah meluaskan peranannya

dalam memajukan proses pendidikan dan kebudayaan dengan mengadakan tayangan filem atas perkara-perkara tertentu. Tayangan filem ini diadakan dua minggu sekali.

PERJAWATAN

(a) Perlantikan Baru

Ramai pegawai-pegawai baru telah melapur diri untuk bertugas di Perpustakaan. Mereka ialah:

Nama	Jawatan	Tarikh	Bahagian
Hasmah bte Hassan	Kerani	Julai 1978	Terbitan Bersiri
Che Zan Haji Yassin	Penolong Pegawai Tadbir	Ogos 1978	Katalog
Hawa Abd Majid	Penolong Pegawai Tadbir	Ogos 1978	Katalog
Mariam Wahab	Penolong Pegawai Tadbir	September 1978	Katalog
Abdul Rahman bin Ismail	Pelayan Perpustakaan	Februari 1979	Perkhidmatan Pembaca
Mohd Ali bin Abu	Pelayan Perpustakaan	Mac 1979	Perkhidmatan Pembaca
Abdul Halim bin Idris	Pelayan Perpustakaan	Februari 1979	Perkhidmatan Pembaca
Mohd Idris Zainal Abidin	Pelayan Perpustakaan	Mac 1979	Perkhidmatan Pembaca
Zulkifli bin Manan	Pelayan Perpustakaan	Mac 1979	Perkhidmatan Pembaca
Kadlan bin Abu Bakar	Penjilid	Mac 1979	Reprografi dan Arkib
Mokhtar bin Dahari	Kerani	Mac 1979	Perolehan
Mohd Shukur bin Taib	Kerani	Mac 1979	Perolehan
Abdul Rahim bin Baba	Jurutaip	Mac 1979	Pentadbiran
Juriyah bte Newman	Kerani Sementara (Projek AIBA)	Februari 1979	Penerangan
Ahmad Razei Abu Bakar	Kerani	April 1979	Terbitan Bersiri
Mohd Sulaiman b. Rashid	Kerani	April 1979	Penerangan
Zaidah bte Ahmad	Kerani	April 1979	Terbitan Bersiri
Shahrul Hazaha Mohd Aris	Kerani	April 1979	Pentadbiran
Rosila bte Abdul Manan	Jurutaip	April 1979	Pentadbiran
Kartini bte Yussoff	Kerani	Julai 1978	Reprografi dan Arkib

(b) Kenaikan Pangkat

Seramai dua orang Pegawai Tadbir Pustakawan telah dilantik sebagai Penolong Pustakawan di Perpustakaan. Mereka ialah:

Cik Kalsom bte Sharif mengetuai Bahagian Perkhidmatan Pembaca mulai 15 Julai 1978.

Puan Kamariah bte Abdul Hamid

mengetuai Bahagian Reprografi dan Arkib mulai 15 Julai 1978.

(c) Pertukaran

Berbanding dengan tahun sebelumnya tidak ramai pegawai-pegawai perpustakaan yang telah ditukarkan ke lain-lain jabatan samada dalam atau luar perpustakaan. Di antara mereka yang terlibat dalam proses pertukaran antara jabatan dan bahagian

adalah seperti berikut:-

Nama	Jawatan	Tempat berpindah	Tarikh
Galoh Zakiah Hj Abdul Malik	Penolong Pustakawan (Ketua Bahagian)	Bahagian Penerangan dan Perkhidmatan Lanjutan.	15/7/78
Rahmah Abdul Jalil	Pegawai Tadbir	Bahagian Katalog	15/7/78
Zakiah Azmi	Pegawai Tadbir	Bahagian Penerangan dan Perkhidmatan Lanjutan.	15/7/78
Nafisah Mohd Nafis	Buruh	Bahagian Ladang	Mei 1978
Osman Nordin	Pelayan Perpustakaan	Bahagian Reprografi dan Arkib	15/7/78
Mohd Isa Bahaman	Pelayan Perpustakaan	Bahagian Reprografi dan Arkib	15/7/78
Ahmad Robangi Amin	Pelayan Perpustakaan	Bahagian Reprografi dan Arkib	15/7/78
Sandran Tayami	Pelayan Perpustakaan	Bahagian Reprografi dan Arkib	15/7/78

(d) Perletakan Jawatan

Pada tahun ini bilangan jawatan pegawai perpustakaan tersangat tinggi jika diban-

dingkan dengan tahun-tahun sebelumnya. Di antara pegawai perpustakaan yang meletak jawatan adalah:

Nama	Jawatan	Tarikh
1. Abdul Aziz Nawawi	Pelayan Perpustakaan	1/7/79
2. Abdul Zalu bin Baba	Pelayan Perpustakaan	7/1/79
3. Hamedи Helmi	Pelayan Perpustakaan	1/4/79
4. Umar Yaacob	Pelayan Perpustakaan	1/1/79
5. Azlan bin Abu Yamin	Pelayan Perpustakaan	27/11/78
6. Abdul Jalil Wahab	Pelayan Perpustakaan	17/8/78
7. Musa bin Dawood	Pelayan Perpustakaan	17/8/78
8. Mohd Tohit Hassan	Pelayan Perpustakaan	14/11/48
9. Kadlan Abu Bakar	Pelayan Perpustakaan	28/2/79
10. Nazariah Ismail	Kerani	1/3/79

(e) **Latihan**

Cik Kamsiah Mohd Ali dan Cik Sukinah Ibrahim Pegawai Tadbir (Perpustakaan) telah menghadiri "Joint LAS/PPM Conference" berkenaan 'Information Infrestructures for the 80's pada 7hb — 9hb Disember 1978 bertempat di REIC International House, Singapore.

Tuan Syed Salim Agha, Puan Ng Beng Lymn menghadiri ITM-PPM Bengkel kerja berkenaan Teknik Pengurusan Moden untuk Perpustakkan-perpustakaan di Instituti Teknologi MARA daripada 20hb. April sehingga 22hb. April 1979.

Puan Galoh Zakiah telah menghadiri IV Congress of Southeast Asian Librarians Bangkok, Thailand pada 5 — 9 Jun, 1978.

**KEMAJUAN KUMPULAN PER-
PUSTAKAAN**

Dalam tahun akademik 1978-79 sebanyak 5,236 judul atau 8,049 naskah buku telah diperolehi untuk Perpustakaan Induk, Serdang. Di samping itu, sebanyak 287 judul atau 548 unit bahan-bahan pandang dengar juga telah diperolehi.

Pesanhan bahan-bahan dalam tempoh ini adalah sebanyak 8,195 judul atau 12,802 naskah untuk buku-buku dan sebanyak 401 judul atau 503 naskah untuk bahan-bahan pandang dengar. Bahan pandang dengar termasuk mikrofilem, mikrofis, peta, transparensi, filem, filem selit, filem gulong, "kit" dan lain-lain.

Berbanding dengan keluaran pada tahun lepas, tahun ini menunjukkan prestasi yang lebih tinggi iaitu lebih dari 1,000 judul buku lebih telah dipesan. Tetapi penerimaan adalah berkurangan sebanyak 5,236 judul atau 8,049 naskah.

Pesanhan-pesanhan bahan pandang dengar dalam tempoh ini adalah berkurangan jika dibandingkan dengan tahun lepas. Ini disebabkan pesanan bahan pandang dengar dipilih dengan lebih teliti dan juga harga bahan pandang dengar telah meningkat.

Buku yang diterima sebagai hadiah/APB telah meningkat sebanyak dua kali ganda dibandingkan dengan tahun lepas. Pecahan buku-buku yang telah diterima sebagai hadiah ialah seperti berikut:

Buku-buku yang telah diterima sebagai Hadiah

	Bilangan Judul	Bilangan Naskhah
1. Hadiah	2,947	4,069
2. APB	224	272
3. Australia	10	129
4. New Zealand	139	222
5. FAO	240	373
6. British Council	33	33
	<hr/> <hr/> <hr/>	<hr/> <hr/> <hr/>
	3,958	5,525
	<hr/> <hr/> <hr/>	<hr/> <hr/> <hr/>

Jumlah pesanan untuk Serdang dan Sarawak

Dalam tempoh ini jumlah pesanan untuk

Serdang dan Sarawak adalah seperti berikut:

	Pesanan		Perolehi	
	Bil Judul	Bil Naskhah	Bil Judul	Bil Naskhah
Serdang	8195	12,802	5236	8049
Sarawak	2942	3769	2111	2758
Jumlah	11,476	17,212	7347	10,807

Bagi kumpulan Terbitan Bersiri sebanyak 400 judul-judul tambahan telah diperolehi menjadikan jumlah koleksinya meningkat sebanyak 3222. Langganan yang baru bagi kumpulan Terbitan Bersiri adalah sebanyak 250 iaitu satu pertambahan yang besar berbanding dengan tahun sebelumnya. Judul-judul baru yang diperolehi menerusi

hadiah/pertukaran/Akta Pemeliharaan Buku-buku pula berjumlah 162 judul.

Koleksi Perpustakaan

Bandingan perangkaan pada akhir tahun 1977-78 dan tahun 1978-79 koleksi untuk Perpustakaan Induk, Serdang ialah seperti berikut:

Koleksi	Pada akhir 1978-79	Pada akhir 1977-78	Tambahan dalam tahun 1978-79
Buku yang telah diproses	85,582	72,588	12,994
Jurnal Berjilič	9,604	7,226	2,378
Abstrak & Indek berjilič	1,701	1,647	54
Jumlah	96,887	81,461	15,426

Tambahan sebanyak 15,426 naskhah tahun ini menunjukkan lebihan daripada tambahan pada tahun 1977-78 bila tambahan pada tahun itu hanya 11,803 naskhah. Seperti sebahagian besar perkembangan koleksi ini ialah pada koleksi buku; walau bagaimanapun pada tahun ini tambahan kepada koleksi jurnal sangat besar, iaitu 2,378 naskhah, berbanding dengan tahun lepas bila tambahan hanya 1,447 naskhah. Jumlah koleksi 96,887 naskhah pada akhir bulan Mei 1979 ketara

dilihat pada rak-rak buku yang hampir dipenuhi ke peringkat "maximum capacity".

Perpustakaan cawangan di Kampus UPM Sarawak juga menunjukkan kadar perkembangan yang tinggi pada tahun ini. Pada akhir bulan Mei 1979 koleksinya telah meningkat kepada 6,670 naskhah iaitu tambahan sebanyak 2,101 naskhah daripada tahun lepas. Tambahan ini sangat tinggi berbanding dengan tambahan tahun lepas yang hanya 910 naskhah. Jadual di bawah memberikan pecahan perkembangan ini.

Koleksi	Pada akhir 1978-79	Pada akhir 1977-78	Tambahan dalam tahun 1978-79
Buku	6,739	4,650	2,089
Jurnal berjilid	9	9	0
Abstrak & Indeks	12	0	12
Jumlah	6,760	4,659	2,101

Perpustakaan Cawangan di Trengganu telah memulakan perkhidmatannya pada bulan Disember 1978. Koleksinya masih

kecil dan mengandungi hanya buku dan beberapa carta dan kad. Butiran ini dijelaskan dalam jadual berikut:

Koleksi	Pada akhir 1978-79	Pada akhir 1977-78	Tambahan dalam tahun 1978-79
Buku	283	—	283
Jerenal berjilid	—	—	—
Abstrak & Indeks berjilid	—	—	—
Carta	2	—	2
Kad	2	4	2
Jumlah			287

Koleksi Bahan Pandang Dengar

Perkembangan sepanjang tahun ini sangat memuaskan. Tambahan bagi tiap-tiap jenis

bahan sangat tinggi seperti dijelaskan di bawah ini:

Bahan	Pada akhir 1978-79	Pada akhir 1977-78	Tambahan dalam tahun 1978-79
Filem	265	151	114
Filem Loop/Filem relong	139	137	2
Filemstrip/Filem Jalur	98	89	9
Filem Selit	132	97	35
Pita	201	170	31
Microfilem	909	873	36
Peta Topo	1,315	1,228	87
Carta	174	159	15
Multi Purpose Kit	3	2	1
Microfis	2,302	2,200	102
Transparensi	19	14	5
Kad	16	16	—

Koleksi kumpulan ini jelas masih kecil lagi dan sedang dalam peringkat perkembangan. Permintaan penggunaan

bahan-bahan ini pula semakin bertambah dari masa ke semasa.

PENGGUNAAN PERPUSTAKAAN

Pinjaman Biasa

Perangkaan pinjaman biasa bagi tempoh

	Dalam tahun 1978-79
Pinjaman	62,086
Tempahan	3,028
Panggilan Semula	540

Jumlah pinjaman (buku dan jurnal) meningkat daripada 51,650 kepada 62,086. Tambahan sebanyak 10,436 ini dengan tempahan bertambah hanya sebanyak 652 dan panggilan semula sebanyak 303 menunjukkan cara dan tabiat pengguna dalam menggunakan bahan-bahan Perpustakaan tidak berubah daripada di tahun yang lepas. Tambahan pada perangkaan-perangkaan ini mungkin semata-mata berpunca daripada pertambahan Koleksi dan bilangan pengguna.

Koleksi Buku-buku Berbintik merah

Pinjaman koleksi ini dalam tempoh tahun 1978-79 ini ialah sebanyak 37,577, ini bila dibandingkan dengan pinjaman pada tahun lepas yang hanya 28,510 menunjukkan tambahan yang sangat tinggi iaitu 9,067 atau kira-kira 30%. Tambahan ini mungkin adalah ikutan daripada bertambahnya bilangan kursus dan bilangan pelajar di Universiti ini.

Pinjaman Antara Perpustakaan (PAP)

Perkhidmatan ini meliputi pinjaman buku, jurnal dan filem dan mendapatkan salinan foto bahan-bahan dari perpustakaan-perpustakaan lain. Pinjaman buku dan jurnal ialah 510 dan salinan foto yang diperolehi ialah 250. Berbanding dengan tahun 1977-78 pinjaman buku dan jurnal berkurangan sebanyak 69 tetapi ini diseimbangkan oleh tambahan salinan foto yang diperolehi iaitu sebanyak 130 atau 108%. Jelas di sini PAP pada tahun ini berubah corak iaitu ianya lebih kepada mendapat salinan foto daripada meminjam bahan-bahan.

tahun 1978-79 dan 1977-78 dibandingkan di bawah:

	Dalam tahun 1977-78	Perbezaan
Pinjaman	51,650	10,436
Tempahan	2,376	652
Panggilan Semula	843	303

Salinan foto yang diperolehi kebanyakannya daripada dua institusi seberang laut iaitu British Lending Library (BLL) dan Australian National Scientific and Technological Library (ANSTEL). Pecahan salinan foto daripada perpustakaan-perpustakaan seberang laut ini ialah seperti berikut:

BLL	200
ANSTEL	28
Lain-lain Perpustakaan	22
Jumlah	250

Bilangan filem yang dipinjam daripada Perpustakaan asing pula bertambah daripada 28 gelong tahun lepas kepada 60 gelong tahun ini. Tambahan yang tinggi ini ialah kerana perpustakaan banyak meminjam filem untuk Persidangan/Seminar di Universiti ini, tayangan filem-filem jenis popular dan rekreasi di samping filem-filem untuk kegunaan pengajaran oleh pensyarah-pensyarah.

Perkhidmatan Perpustakaan UPM dari segi memberi pinjaman kepada perpustakaan-perpustakaan lain pula telah berkurang tahun ini, iaitu daripada 334 pada tahun 1977-78 kepada hanya 177 tahun ini. Ini bukanlah menunjukkan yang permohonan yang diterima kurang, tetapi ialah kerana banyak daripada bahan-bahan yang dikehendaki tiada dalam koleksi Perpustakaan UPM.

Perkhidmatan Rujukan

Sejak akhir tahun 1978 Perpustakaan telah cuba memperbaiki perkhidmatan rujukan dengan mengadakan seorang pegawai iktisas bertugas di Meja Pertanyaan sepanjang waktu perpustakaan dibuka — siang dan malam. Dari pengalaman pegawai-pegawai ini nyata lebih ramai pengguna datang meminta bantuan dengan adanya mereka di Meja Pertanyaan ini. Perangkaan pertanyaan yang direkodkan walaupun bagaimanapun dibuat oleh pegawai-pegawai yang bertugas malam sahaja. Perangkaan ini telah meningkat kepada 177 berbanding dengan 85 sahaja pada tahun lepas. Rumusannya ialah perkhidmatan ini telah banyak meningkatnya dalam tahun 1978-79 ini.

Kedatangan Pengguna

Meter di pintu pusing keluar merekodkan pengguna yang keluar dari perpustakaan dalam tahun 1978-79 ialah 437,545. Pada tahun lepas perangkaan ini hanya 409,854. Walaupun perangkaan ini bukan bilangan sebenar pengguna perpustakaan (termasuk kakitangan) ianya tetap memberi gambaran kadar penggunaan; tambahan ini sudah tentu kerana adanya tambahan bilangan pelajar dan kakitangan UPM dan juga lain ahli perpustakaan ini.

Keahlian Perpustakaan

Jadual berikut memberikan perangkaan ahli Perpustakaan bagi tahun-tahun 1977-78 dan 1978-79 mengikut kumpulan ini:

Kategori Ahli	Akhir tahun 1978-79	Akhir tahun 1977-78	Tambahan dalam tahun 1978-79
Pelajar	3169	2871	298
Pegawai Akademik	607	516	91
Pegawai Am	441	373	68
Ahli Luar (termasuk Pegawai Sambilan UPM)	363	315	48
Ahli Luar (bayar wang cagaran)	14	14	—
Siswa Lanjutan	13	6	7
 <hr/>	 <hr/>	 <hr/>	 <hr/>
Jumlah	4607	4095	512
 <hr/>	 <hr/>	 <hr/>	 <hr/>

Jumlah ahli meningkat sebanyak 512 orang. Ini adalah tambahan mengikut kadar biasa seperti masa-masa lepas dan mengikut peraturan tambahannya hampir sama bagi satu-satu kategori. Keahlian pelajar sebanyak 3169 tahun 1978-79 adalah merupakan jumlah pelajar yang berdaftar dengan UPM pada awal tahun-tahun akademik berkenaan.

PERKHIDMATAN DAN PROSES PERSEDIAAN

Perkhidmatan Penjilidan

Perkhidmatan ini yang diberikan kepada pelajar-pelajar dan fakulti berjumlah sebanyak 1038 dan wang kutipannya ialah sebanyak \$523.00. Wang ini ialah bagi perkhidmatan kepada pelajar-pelajar

sedangkan bayaran perkhidmatan kepada fakulti dimasukkan kepada peruntukan perbelanjaan. Penjilidan membaiki buku-buku Perpustakaan yang rosak tahun ini berjumlah sebanyak 1,035 naskah.

Kursus Menggunakan Perpustakaan

Seperti tahun-tahun lepas perpustakaan memberi kursus asas panduan menggunakan perpustakaan bagi pelajar tahun satu pada awal Semester I. Perpustakaan masih lagi menggunakan kaedah syaran pita dan filem selit dengan diikuti oleh lawatan ber-pandu jika diminta oleh pelajar. Daripada analisa hasil penilaian yang dibuat dapat dirumuskan yang kursus ini amat berguna kepada pelajar-pelajar.

Pameran Bulanan

Perkhidmatan ini baru dimulakan dalam tahun 1978. Bahan-bahan perpustakaan dalam bidang perkara tertentu dipamerkan selama kira-kira dua minggu setiap bulan. Perkara-perkara ini ditentukan terlebih dahulu dan sedapat yang boleh disesuaikan dengan perkara-perkara yang berlaku sehari-hari ataupun kegiatan-kegiatan di Universiti ini. Bagi setiap pameran senarai bahan-bahan disusun dan diberikan percuma kepada pengguna.

Tayangan Filem

Untuk faedah pelajar dan juga kakitangan Universiti, Perpustakaan mengadakan tayangan filem berkenaan perkara-perkara am dan rekreasi misalnya dalam bidang sukan, kebudayaan, pengetahuan am dan pengurusan. Tayangan ini diadakan dua minggu sekali di Bilik Serbaguna Perpustakaan dan dibuka kepada sesiapa sahaja yang berminat. Filem-filem yang ditayangkan bukan sahaja daripada koleksi kita tetapi dipinjam daripada perpustakaan-perpustakaan lain. Cadangan-cadangan pengguna untuk menayangkan filem-filem tertentu juga diterima.

Perkhidmatan Salinfoto

Perkhidmatan salinan foto merupakan salah satu dari perkhidmatan yang popular di kalangan para pengguna perpustakaan. Perkhidmatan yang diberi dalam tahun akademik 78-79 berjumlah 490,809 salinan iaitu tambahan sebanyak 79,645 salinan dari jumlah salinan yang dibuat dalam tahun sebelumnya. Tambahan ini adalah berpunca dari permintaan pengguna perpustakaan dan juga keupayaan pihak perpustakaan dalam memberikan perkhidmatan yang diperlukan.

KEMUDAHAN

Bangunan-perubahan

Dengan tertubuhnya Bahagian Reprografi dan Arkib pada bulan Julai 1978, kemudahan bilik-bilik terpaksa dikurangkan — Bilik Mesyuarat Perpustakaan dijadikan pejabat am Bahagian itu dan sebuah Bilik Perbincang dijadikan bilik Ketua Bahagian-nya.

Bahagian Penerangan dan Perkhidmatan Lanjutan yang ditubuhkan pada masa yang sama, ditempatkan di tingkat dua bangunan Perpustakaan, kerana koleksi Abstrak & Indeks merupakan "working tool" utama Bahagian ini. Koleksi tersebut telah dipindahkan ke tingkat yang sama daripada tempat sebelumnya di tingkat bawah di sebelah Koleksi Rujukan.

Perkhidmatan Teleks

Sebuah mesin teleks telah dipasang di Perpustakaan Universiti Pertanian Malaysian nombornya ialah UNIPER MA37454. Perkhidmatan teleks ini adalah untuk kegunaan rasmi Universiti. Perkhidmatannya adalah dibuka pada waktu pejabat untuk menganitar berita dan penerimaan telegram. Di luar waktu pejabat teleks hanya dibuka hanya menerima berita sahaja.

PELAWAT

Beberapa rombongan telah datang

melawat ke Perpustakaan di samping mereka melawat lain-lain Bahagian Universiti ini. Mereka telah diberikan keterangan ringkas

berkenaan perpustakaan, diikuti dengan lawatan berpandu. Rombongan-rombongan ini ialah:

Institusi	Tarikh Lawatan
1. Persatuan Sains Sekolah Menengah Kebangsaan Puchong Selangor.	14/10/78
2. Sekolah Menengah Nyatoh Rantau Negeri Sembilan	4/11/78
3. Persatuan Sains Pertanian Sekolah Menengah Teknik Jalan Tun Abdul Razak	13/11/78
4. Gerakan Belia Bersatu Kg Sungai Nipah Seremban Negeri Sembilan	18/11/78
5. Maktab Perguruan Sri Kota Kuala Lumpur.	26/4/79

KAMPUS CAWANGAN SARAWAK

Pengarah: Ibrahim bin Mohd. Yusof,
Dip. Agric (Malaya), M.S.
(Florida), Ph.D. Louisiana
State.

PENDAHULUAN

Tahun akademik 1978-79 telah bermula dengan Minggu Orientasi selama seminggu mulai dari 29hb. Mei, 1978 hingga 4hb. Jun, 1978. Semua program akademik telah berjalan dengan lancar sepanjang tahun akademik ini. Tambahan daripada itu beberapa acara kemuncak telah berlaku iaitu Hari Peladang yang diadakan dengan jayanya pada 14hb. Oktober 1978 dan lawatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor, Sultan Selangor bersama-sama Tuan Yang Terutama Yang di Pertuan Negeri Sarawak pada 22hb. Mei 1979.

KAKITANGAN

Pada tahun akademik 1978-79, jumlah pegawai yang ada di Kampus Cawangan Sarawak adalah seramai 121 orang. Ini bermakna tenaga pegawai telah bertambah sebanyak 17.5% jika di bandingkan dengan tahun pengajian sebelumnya. Jumlah dan pecahan pegawai-pegawai di Kampus ini adalah seperti berikut:

Jawatan	Bilangan
Pemangku Pengarah Kampus	1
Penolong Pendaftar	1
Pensyarah	19
Gurubahasa	2
Tutor	4
Pegawai Tadbir	2
Pengurus Asrama	1
Pembantu Pertanian	2
Juruteknik Rendah	1
Jurutrengkas	2
Pembantu Makmal	15
Pelayan Makmal	9
Pelayan Perpustakaan	2
Jurutaip	7
Kerani Am	6
Pelayan Pejabat	2

Operator Talipon	1
Pemandu	7
Pengawal Keselamatan	5
Ketua Tukang Masak	1
Tukang Masak	1
Pelayan Dapur	3
Ketua Buruh	1
Buruh Tetap	26
Jumlah	121

PERKARA-PERKARA AKADEMIK

Pada tahun akademik 1978-79, Kampus Cawangan ini telah mengambil seramai 298 orang pelajar untuk mengikuti tiga program pengajian yang ditawarkan di Kampus ini.

Bilangan pelajar mengikut program pada tahun akademik 1978-1979 ialah seperti berikut:

Program	Jumlah Pelajar
Pendahuluan	25
Diploma Pertanian I	107
Diploma Pertanian II	66
Diploma Pertanian III	46
Diploma Perhutanan I	30
Diploma Perhutanan II	24
Jumlah	298

Seramai 42 orang pelajar dari Program-program Diploma Tahun I telah mendapat kenaikan khas ke peringkat Ijazah dan dihantar ke Kampus Serdang untuk mengikuti program Ijazah masing-masing. Ini bererti bahawa seramai 31% pelajar dari Program-program Diploma Tahun I di Kampus ini telah berjaya mendapat kenaikan khas. Jelasnya, ini adalah merupakan peratus secara keseluruhan dan

peratus yang dicapai oleh tiap-tiap Program Pengajian Diploma Tahun I seperti yang diterangkan di bawah ini, iaitu:

Program Pengajian	Peratus
Diploma Perhutanan I	10%
Diploma Pertanian I	36%

PENYELIDIKAN

Encik Taha bin Abdul Kadir seorang pensyarah dari Fakulti Perkhidmatan Pendidikan sedang membuat satu penyelidikan mengenai "Kepimpinan Tradisional di Peringkat Kampung" bagi orang-orang Peribumi khususnya orang-orang Melayu dan Dayak (Lend Dayak) di kampung-kampung Pengembangan, Universiti Pertanian Malaysia di Sarawak.

SEMINAR

1. Pemangku Pengarah Kampus telah menghadiri Seminar Pelajaran 1979 dengan tema "Pendidikan Untuk Perpaduan Nasional" dari 3hb. hingga 5hb. Jun, 1979.
2. Puan Normah bte. Hashim, pensyarah dari Jabatan Teknologi Rumah tangga dan Puan Mursiti Djojosumarto seorang Tutor dari Jabatan Kimia telah menghadiri Seminar Gerakan Pengguna bagi Kawasan Negeri Sarawak pada 16hb. Disember 1979.
3. Encik Azahari bin Ismail, pensyarah dari Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan dan Encik Sahak bin Mamat, Pensyarah dari Fakulti Ekonomi Sumber dan Perniagaan tani telah menghadiri "Seminar on Social Research" dari 22hb. hingga 24hb. Mei 1978.
4. Encik Azahari bin Ismail, pensyarah dari Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan telah menghadiri Seminar on, "Asean Workshop on Population and Development Education," di Kuala Lumpur pada bulan Oktober, 1978.

5. Encik Azahari bin Ismail, Pensyarah dari Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan telah menghadiri "ASEAN Conference on low-cost Audio-Visual Aid," yang diadakan di Chiengmai, Thailand pada bulan April, 1979.

PELAWAT

Pelawat-pelawat yang diterima oleh Universiti Pertanian Malaysia Kampus Cawangan Sarawak, pada tahun akademik 1978-79 adalah seperti berikut:-

1. Pelajar-pelajar dari Sekolah Menengah Kerajaan Penrisen pada 20hb. Julai 1978.
2. Pelajar-pelajar Tingkatan 6AI, Kolej Rendah Petra Jaya, Kuching pada 12hb. Ogos 1978.
3. 37 orang guru-guru pelatih dari Maktab Perguruan Batu Lintang, Kuching pada 16hb. Oktober 1978.
4. Persatuan Guru-guru Melayu Brunei serta guru-guru dari Sarawak dan pegawai-pegawai dari Jabatan Pelajaran Sarawak pada 1hb. Oktober 1978.
5. Yang Berbahagia Profesor Tan Sri Mohd. Rashdan bin Haji Baba, Naib Canselor Universiti Pertanian Malaysia pada 27hb. September 1978.
6. Ahli-ahli Pertubuhan Peladang dari Daro pada 4hb. November 1978.
7. 40 orang penuntut-penuntut Sekolah Menengah Chung Hua dari Sibu, pada 11hb. Disember 1978.
8. Ahli-ahli Perisad Regimen Pertama Kor Peninjau Di Raja, Penrissen Kem, Kuching pada 10hb. Februari 1979.
9. Ahli-ahli Jawatankuasa Pembangunan Peneroka, Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak dari Skrang, pada 27hb. Februari 1979.
10. Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor dan Tuan Yang Terutama Yang Di Pertua Negeri Sarawak pada 22hb. Mei 1979.

Diterbitkan oleh Universiti Pertanian Malaysia dan dicetak oleh
Percetakan P.K.S. Sdn. Bhd., 23, Jalan Tandang, P.J.